



SIASATAN POLIS DIRAJA MALAYSIA

IBU PEJABAT POLIS DIRAJA MALAYSIA BUKIT AMAN, 50560 KUALA LUMPUR
TELEFON: 03-22668312 / 22668320 FAKS: 03-22668330
E-MEL: pusatmediandrm@rmpm.gov.my


SIASATAN POLIS TERHADAP YANG BERHORMAT TAN SRI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG

POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM) MENGESAHKAN SEDANG MENJALANKAN SIASATAN TERHADAP YANG BERHORMAT (YB) TAN SRI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG, PRESIDEN PAS DAN AHLI PARLIMEN MARANG BERKAITAN ARTIKEL MALAY MAIL BERTAJUK "*PAS' HADI CLAIMS NON-MUSLIMS, NON-BUMIPUTERA MAKE UP THE BULK OF 'ROOTS OF CORRUPTION'*". SETAKATINI PDRM TELAH MENERIMA SEBANYAK 28 LAPORAN POLIS KE ATAS YB TAN SRI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG BERHUBUNG ISU TERSEBUT.

SIASATAN DIJALANKAN OLEH UNIT SIASATAN JENAYAH TERKELAS, BAHAGIAN PENDAKWAAN/UNDANG-UNDANG (D5), JABATAN SIASATAN JENAYAH, BUKIT AMAN DI BAWAH SEKSYEN 505 (C) KANUN KESEKSAAN KERANA MENGELOUARKAN KENYATAAN DENGAN NIAT MENGAPIKAN MANA-MANA GOLONGAN ATAU KAUM DAN SEKSYEN 233 AKTA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA 1998 IAITU PENGGUNAAN TIDAK WAJAR KEMUDAHAN RANGKAIAN ATAU PERKHIDMATAN RANGKAIAN. YB TAN SRI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG AKAN DIPANGGIL KE BUKIT AMAN BAGI MEMBANTU SIASATAN BERHUBUNG KENYATAAN YANG DIBUAT.

SIASATAN MASIH DIJALANKAN DAN PDRM MENASIHATKAN ORANG RAMAI AGAR TIDAK MEMBUAT SPEKULASI DAN KENYATAAN YANG BOLEH MENGGANGGU PROSES SIASATAN. PDRM JUGA MENYERU ORANG RAMAI AGAR CAKNA DAN PRIHATIN TERHADAP ISU-ISU YANG MENYENTUH SENSITIVITI AGAMA DAN KAUM YANG BOLEH MENGGUGAT KEHARMONIAN DALAM KALANGAN MASYARAKAT. TINDAKAN TEGAS AKAN DIAMBIL

TERHADAP MANA-MANA PIHAK YANG BERTINDAK DALAM APA JUA CARA
SEHINGGA BOLEH MENJEJASKAN KETENTERAMAN AWAM DAN
KESELAMATAN NEGARA.



(SKANDAGURU ANANDAN) ACP
KETUA KOMUNIKASI KORPORAT PDRM
POLIS DIRAJA MALAYSIA
BUKIT AMAN

-TAMAT-

(Dikeluarkan pada 28 Ogos 2022 jam 8.30 malam)